

Carta Alir Pengurusan Tuntutan Ujian Swab Covid-19 UiTM

| Aliran Kerja | Proses Kerja | Tindakan/Catatan |
|--------------|--|--|
| | 1. Staf ada kontak rapat dengan pesakit Covid-19 (Kategori B) | |
| | 2. Staf isi Saring C19 UiTM | Aplikasi Saring C19 UiTM |
| | 3. Pasukan Verifikasi Pusat Kesihatan (VKR) Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan akan hubungi staf untuk pengesahan status Kategori B. | |
| | 4. Pasukan VKR Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan akan menghantar Surat Arahan Kuarantin (Borang Lampiran 4) melalui email/aplikasi whatsapp. | Borang Lampiran B |
| | 5. Staf bawa Surat Arahan Kuarantin ke Klinik Panel yang disenaraikan atau mana-mana klinik/hospital swasta yang menyediakan perkhidmatan Ujian Swab Covid-19. | |
| | 6. Staf jalani Ujian Swab Covid-19. Hanya ujian jenis Polymerare Chain Reaction (PCR) yang ditanggung oleh UiTM. Jumlah yang ditanggung oleh UiTM adalah sebanyak RM200.00 sahaja. Sekiranya kos ujian melebihi daripada kadar tersebut, staf perlu membayar jumlah lebihan tersebut. Hanya staf seorang sahaja yang ditanggung UiTM. Tanggungan tidak ditanggung. | |
| | 7. Staf maklumkan keputusan Ujian Swab Covid-19 kepada Pasukan VKR Pusat/Unit Kesihatan melalui email atau aplikasi whatsapp. | Keputusan Ujian Swab Covid-19 |
| | 8. Staf membuat tuntutan bayaran balik bagi Ujian Swab Covid-19 yang telah dibuat dengan menggunakan Borang Tuntutan Bayaran Balik Rawatan dan dihantar ke Pusat Kesihatan bagi staf UiTM Shah Alam atau ke Bahagian Pentadbiran Kampus Cawangan. Staf dikehendaki untuk melampirkan Resit Ujian, Keputusan Ujian dan Surat Arahan Kuarantin. | <ul style="list-style-type: none"> • Borang Tuntutan Rawatan Bayaran • Surat Arahan Kuarantin (Salinan) • Resit Bayaran Ujian Swab Covid-19 (Asal) • Keputusan Ujian Swab Covid-19 (Salinan) |
| | 9. Pusat Kesihatan/Pejabat Pentadbiran Kampus Cawangan memproses tuntutan bayaran balik rawatan dan dihantar ke bendahari zon. | |
| | 10. Pejabat Bendahari zon membuat bayaran balik kepada staf | |

Syarat Kelayakan Tuntutan Bayaran Balik Ujian Swab Covid-19 Staf UiTM

Dicadangkan staf yang dikenalpasti sebagai Kategori B dan telah disahkan sebagai kontak rapat oleh Pasukan Verifikasi Pusat/Unit Kesihatan UiTM (VKR) dibenarkan untuk menjalani Ujian Swab Covid-19 di fasiliti klinik swasta, makmal perubatan atau hospital swasta yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Syarat-syarat tuntutan bayaran balik bagi Ujian Swab Covid-19 adalah seperti berikut.

1. Staf telah mendapat pengesahan kategori oleh Pasukan Verifikasi Pusat/Unit Kesihatan UiTM (VKR).
2. Staf telah menerima Surat Arahan Kuarantin (Borang Lampiran 4) dari Pasukan Verifikasi Pusat/Unit Kesihatan UiTM (VKR)
3. Kadar tanggungan yang ditanggung oleh UiTM adalah sebanyak **RM200.00** sahaja. Sekiranya kos ujian melebihi kadar yang ditetapkan, staf perlu menanggung kos lebihan tersebut.
4. Hanya staf seorang sahaja yang mendapat kelayakan tanggungan tersebut. Pasangan/Tanggungan tidak layak.
5. Ujian yang ditanggung adalah Polymerase Chain Reaction (PCR) sahaja.
6. Staf perlu mengisi Borang Tuntutan Bayaran Rawatan dan dilampirkan Salinan Asal Resit Ujian, Salinan Surat Arahan Kuarantin dan Salinan Keputusan Ujian Swab Covid-19 bagi tujuan tuntutan tersebut.
7. Pembayaran tuntutan adalah diuruskan oleh Pusat Kesihatan UiTM bagi staf kampus Shah Alam dan Bahagian Pentadbiran bagi staf di Kampus Cawangan.
8. Tempoh sah tuntutan adalah 3 bulan daripada tarikh ujian dilakukan.
9. Tempoh kemudahan Tuntutan Ujian Swab Covid-19 ini adalah berkuatkuasa mulai daripada **20 Januari 2021** sehingga **31 Disember 2021** sahaja.
10. Kategori staf yang layak – staf tetap dan staf kontrak lantikan UiTM yang mendapat kemudahan klinik panel. Staf lantikan kontrak Tabung Amanah perlu mendapatkan pengesahan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi kelayakan kemudahan ini.
11. Surat Arahan Kuarantin yang dikeluarkan bukanlah arahan wajib untuk membuat ujian swab Covid-19. Bagi staf yang tidak mahu membuat ujian tersebut, perlu menjalani tempoh kuarantin seperti yang telah ditetapkan.
12. UiTM hanya menanggung bagi kontak rapat Kategori B yang mendapat jangkitan semasa sedang bekerja di dalam Kampus UiTM atau menjalankan tugas rasmi di luar kampus UiTM.